



## LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA) KENYATAAN TAWARAN (SEBUT HARGA)

(<http://www.lada.gov.my>)

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai sebut harga berikut:-

NO SEBUT HARGA	JENIS KERJA	TARIKH PENGAMBILAN DOKUMEN SEBUT HARGA	PENDAFTARAN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
LPL(SA) 21/2019	Cadangan Membekalkan Baju Korporat Kepada Pegawai Dan Kakitangan Lembaga Pembangunan Langkawi(LADA) Bagi Tahun 2019 Langkawi, Kedah Darul Aman.	RABU, 22 Mei 2019  Hingga  ISNIN, 10 Jun 2019	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)  Kod Bidang : 020801	SELASA 11 Jun 2019  Sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari mengikut jam dinding di Aras CF, Kompleks LADA.

1. Dokumen tawaran Sebut Harga ini boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **22 Mei 2019** hingga **10 Jun 2019** di Lembaga Pembangunan Langkawi, Aras CF, Kaunter Perolehan, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman dengan menunjukkan **SIJIL ASAL KEMENTERIAN KEWANGAN** serta **SIJIL TARAF BUMIPUTRA** dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga.
2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di Lembaga Pembangunan Langkawi, Aras CF, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari 11 Jun 2019 (Selasa). Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
3. Lembaga ini **tidak terikat** menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran sebaliknya.